

# Mahir ilmu pemasaran, iklan

| SITI HASLINA HUSSIN

[suarasarawak.news@gmail.com](mailto:suarasarawak.news@gmail.com)

**KOTA SAMARAHAN:** Kemahiran mengurus projek pengiklanan dan pemasaran dipamerkan oleh 65 pelajar tahun tiga Program Komunikasi Strategik Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UNIMAS sempena Minggu Kebudayaan dan Kreativiti yang diadakan pada 20 sehingga 21 Jun lepas.

Sebanyak 14 tugas projek pengiklanan dan pemasaran pelajar dipamerkan di lobi FBK yang dirasmikan oleh Dekan FBK, Profesor Dr Ambigapathy Pandian.

Antara lain objektif penganjuran pameran adalah untuk menyediakan ruang kepada pelajar untuk menterjemahkan kefahaman mereka mengenai ilmu pengiklanan dan pemasaran yang dipelajari dalam kursus PBK3084 Komunikasi Pemasaran dan Pengiklanan.

Selain itu, pameran ini turut menjadi asas kepada salah satu penilaian tugas pelajar bagi kursus tersebut.

Penyelaras dan pensyarah kursus, Khadijah Mohamad Tuah berkata, pameran projek pengiklanan dan pemasaran dijalankan pada setiap tahun bagi memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar untuk menghasilkan bahan-bahan pengiklanan dan pemasaran seperti poster, brosur dan iklan radio.

Menurutnya, dengan adanya pameran seperti itu, ia dapat membuktikan bahawa pelajar Program Komunikasi Strategik mampu untuk mengetengahkan ilmu teoretikal dan praktikal melalui projek yang dipamerkan.

"Penghasilan konsep pengiklanan dan pemasaran bagi sesuatu produk atau perkhidmatan bermula daripada perbincangan secara berkumpulan oleh pelajar.

"Dengan bimbingan dan tunjuk ajar di dalam bilik kuliah, pelajar perlu menghasilkan poster, iklan radio, brosur dan bahan pengiklanan lain untuk tujuan pameran," jelasnya.

Tambahnya lagi, penglibatan pelajar yang berdedikasi dalam menyelesaikan tugas berjaya membuktikan bahawa ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang kursus boleh dikongsi dengan ahli fakulti melalui pameran walaupun tugas projek tersebut disediakan dalam masa yang singkat.

Ketua projek, Edwinnie Einstein Unji Edwin berkata, sambutan daripada pelajar dan pensyarah FBK amat memberangsangkan.

"Kehadiran pensyarah melawat gerai pameran sambil memberi maklum balas kepada pelajar amat dihargai. Sokongan mereka juga menaikkan semangat kami untuk lebih memahami ilmu yang dipelajari," ujarnya.

Peserta pameran, Velarie Unyi Philip Bawel memaklumkan, kerjasama rakan kumpulan dalam menyediakan bahan pameran dan menyaksikan pelbagai kreativiti kumpulan lain turut membuka mindanya untuk lebih memahami konsep pengiklanan dan pemasaran strategik.

Warga fakulti yang melawat pameran turut berpeluang melihat kreativiti pelajar menghias galeri pameran bagi mempromosi pelbagai produk dan perkhidmatan masing-masing.



DR AMBIGAPATHY sempat melawat gerai pameran.



KREATIVITI yang menarik perhatian pengunjung.



ANTARA gerai pameran produk.

“

Penglibatan pelajar yang berdedikasi dalam menyelesaikan tugas berjaya membuktikan bahawa ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang kursus dijalankan boleh dikongsi dengan ahli fakulti melalui pameran walaupun tugas projek tersebut disediakan dalam masa yang singkat.